

11 JUL 2002

P/Raya-Khalil (Bergambar)

KEKALKAN TRADISI BAGI MEMBERI KUASA DAN KEKUATAN KEPADA NEGARA

PENDANG, 11 Julai (Bernama) -- Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob hari ini meminta masyarakat agar mengekalkan tradisi seperti bersatu padu, berpegang kuat kepada agama dan adat serta setia bagi melahirkan kekuatan kepada negara.

Beliau berkata kekuatan itu akan memberikan kuasa kepada kerajaan untuk tidak mengemis atau meminjam wang daripada negara luar bagi membangunkan negara.

"Kuasa itu juga menjadikan kerajaan mampu membangunkan negara dengan menggunakan wang sendiri. Ini barulah makna sebenar kemerdekaan," katanya pada majlis kenduri di surau Kampung Sungai Durian di sini.

Majlis anjuran Kumpulan Penonton, Pendengar dan Pembaca (K3P) Kampung Sungai Durian itu turut dihadiri Pengarah Jabatan Penerangan Kedah Azizan Din dan kira-kira 100 penduduk tempatan.

Pada persidangan media kemudiannya, Khalil yang juga Setiausaha Agong Umno berkata sokongan kepada Barisan Nasional (BN) tetap kuat dan meningkat walaupun pembangkang mendakwa sokongan itu akan menurun apabila jawatan Perdana Menteri diambil alih oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelak.

Beliau berkata sokongan kepada BN tidak akan terjejas kerana peralihan kuasa merupakan perkara biasa dalam kerajaan dan parti.

"Perkara itu sudah diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia sepatutnya tidak menjadi isu," katanya.

Menjawab soalan lain, Khalil berkata jentera BN ketika ini berada dalam keadaan bersedia dan bersemangat tinggi untuk memenangi pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit 18 Julai ini.

"Kita melakukan persediaan rapi dan berusaha kuat. Kita yakin menang kerana trend sokongan rakyat dilihat memihak kepada kita," katanya.

Beliau berkata pengundi kedua-dua kawasan itu diminta lebih bijak dengan memilih wakil rakyat yang pragmatik dan boleh membawa kemajuan serta jangan terpengaruh dengan undi simpati yang dibawa pembangkang.

-- BERNAMA

MAN ROS